

29 AUG 2002

Mahathir-Puisi (Bergambar)

MAHATHIR LUAHKAN HARAPANNYA TERHADAP ORANG MELAYU MENERUSI PUISI

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mendeklamasikan puisi yang meluahkan harapannya terhadap bangsa Melayu supaya jangan leka dan jangan sentiasa mengharapkan bantuan dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Menerusi bait-bait puisi yang bertajuk "Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa", Dr Mahathir mengingatkan orang Melayu bahawa mereka akan kehilangan segala-galanya termasuk maruah jika terus berpecah.

Dr Mahathir juga mengingatkan bangsa Melayu supaya berusaha sendiri untuk mencapai kejayaan kerana katanya "tiada jalan mudah bagi bangsa berjaya, kemuliaan, kesejahteraan mesti diisi tangan sendiri."

Beliau juga mahukan orang Melayu serta rakyat Malaysia keseluruhannya tidak mudah berputus asa dalam mempertahankan negara daripada sebarang ancaman yang boleh menjejaskan kesejahteraan negara.

Dr Mahathir menyampaikan puisi itu pada Pesta Puisi Patriotik Ke-Tiga anjura Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri di sini, malam ini.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali juga menyampaikan puisi bertajuk "Suara Hati."

Beberapa orang kenamaan turut menyampaikan puisi pada majlis itu termasuk Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Sasterawan Negara A.Samad Said.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga menerima bendera Jalur Gemilang daripada pasukan berjalan kaki tanpa henti dari Melaka ke Putrajaya sejauh 560 km yang diserahkan oleh ketuanya Mohd Rawi Mat Isa.

Berikut ialah puisi yang disampaikan oleh Dr Mahathir:

MENGHADAPI CABARAN: MENATANG BANGSA

Zaman baru pasti tiba
Pantas, mencabar dan tak terduga
Nasib bangsa di mana?
Agama mana mercunya? Tanah ini bakal milik siapa?

Sejarah pun tidak lagi dapat mengajar kita
Gelombang kali ini sulit dimengerti
Dia datang dengan gelora, taufan, mega merah
dan api sabung menyabung
Lautan, belantara, gunung, lurah dan seluruh hidupan
Tunduk patuh menerima pukulan
Angin Sangkakalakah itu yang sedang menerpa?

Sedang bangsa itu masih dibuai cerita
Tentang tanah, tentang emas dan
agihannya
Tentang tongkat si Tepuk dan kail si Miskin
Tentang hak dan demokrasi
Gelombang itu datang dan datang jua
Tepuk dan Miskin terus berseloka

Mana tongkatku
Mana kailku

Mana emas untukku
Mana hak, mana demokrasiku?

Lama sudah tanah itu digadai
Oleh citra jalan mudah pada harga murah
Bersama emas diperutnya
Patah sudah tongkat itu
Putus sudah si tali kail
Demokrasi dan hak hanya cerita semalam

Bukankah bangsa itu pernah diajar?
Tiada jalan mudah bagi bangsa berjaya
Kemuliaan, kesejahteraan mesti diisi tangan
sendiri
Berdirilah bangsaku
Berdirilah

Tanpa emas
Tanpa tongkat
Tanpa kail dan tanpa lolongan hak

Berbaris dengan tangan-tangan menjulang
langit
Bulatkan tekad berbekal firman:

Langit boleh diterjah dengan kuasa
Tuhan tidak menolong mereka
Bagi mereka yang tidak menolong diri
sendiri

Kebebasan, keamanan, kemakmuran
Adalah himpunan usaha, keringat dan
darah sendiri

Datanglah wahai gelombang
Datanglah engkau berkali-kali
Datang engkau dan pasti tewas jua
Kali ini kami sudah cukup bersedia
Datanglah engkau dan pasti tewas jua
Kali ini kami sudah cukup bersedia

Firman "Iqra'- bacalah" azimat kami

Datanglah engkau dan pasti tewas jua
Kali ini kami sudah cukup bersedia

Menghadapi cabaran
Menatang bangsa

--BERNAMA